

Jangan biar pelabur tunggu lama untuk lulus pelaburan - PM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Perdana Menteri mengarahkan semua kaedah lama dalam meluluskan pelaburan dari luar negara dirombak selain harus dipercepatkan sekali pun melanggar peraturan sedia ada.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, jika peraturan dan isu teknikal menghalang memasuki pelabur luar, adalah tidak salah untuk 'dilanggar' selagi tidak berkaitan rasuah dan penyelewengan.

Beliau kecewa apabila terdapat rungutan pelabur dari New York yang mendakwa Malaysia lambat dalam soal kelulusan dibandingkan dengan Vietnam.

"Kaedah lama tidak boleh pakai lagi, orang minta nak labur tunggu lapan bulan baru bagi jawapan. Saya kata tidak boleh, kalau kita langgar sikit-sikit peraturan selagi tidak rasuah dan tiada penyelewengan, saya sudah pakat dengan Ketua Audit Negara.

"Kalau (langgar) peraturan dan teknikal itu bukan jadi masalah, ia menjadi masalah kalau mencuri wang negara.



“
Kaedah lama tidak boleh pakai lagi, orang minta nak labur tunggu lapan bulan baru bagi jawapan. Saya kata tidak boleh, kalau kita langgar sikit-sikit peraturan selagi tidak rasuah dan tiada penyelewengan...”

"Tetapi kalau nak dipercepatkan, maka ia harus (langgar peraturan), saya jumpa pelabur di New York dia kata Malaysia ini semua baik dan profesional, tetapi yang lambat ialah kelulusan, dia banding dengan Vietnam, saya tak boleh terima, jadi kita harus percepatkan,"

katanya ketika berucap pada program Kolokium Madani Perkhidmatan Awam di sini semalam.

Dalam pada itu, Anwar berkata, amalan rasuah, penyelewengan dan pembaziran perlu dihentikan kerana ia memberi kesan pengagihan ke-

pada golongan memerlukan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, pembaziran mengakibatkan kerugian jutaan ringgit dan amalan itu perlu dibanteras dengan tekad politik dari Jemaah Menteri serta dukungan pegawai kanan kerajaan.